

**W**ACANA Pemikiran Zaen Kasturi meletakkan Penerima Anugerah Penulisan SEA 2010, Zainal Palit atau lebih dikenali sebagai Zaen Kasturi sebagai penyair yang serius mengangkat persoalan hidup mati bangsa dan budaya Melayu.

Tidak ketinggalan wacana di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, baru-baru ini, turut memperakukan keseimbangan di antara keindahan seni bina bahasa dengan kompleksiti wacana kritis terpancar dalam karya Zaen Kasturi.

Justeru, tidak hairanlah Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Arbak Othman menyifatkan Zaen Kasturi sebagai penyair yang tidak berolok-olok ketika menghasilkan puisi.

“Beliau melahirkan puisi serius yang mengemukakan falsafah pemikiran dalam daya untuk membentuk kesedaran terhadap persoalan hidup mati bangsa dan budaya Melayu.

“Persoalan yang diajukan berkisar kepada etika kehidupan dalam masyarakat pelbagai budaya dan keturunan di negara ini, selain turut menyuguhkan persoalan ke manusia, keadilan, pergelaran serta agenda politik di negara dunia luar.

“Karya serius yang dihasilkan Zaen Kasturi itu, boleh dilihat pada struktur wacana yang merumuskan fenome-

# ‘Hidup mati demi Melayu’

Ciri utama Penerima Anugerah Penulisan SEA 2010, Zaen Kasturi

na realisme melalui penciptaan yang menampilkan roh atau semangat pada bahasa seninya,” katanya ketika mengupas Anjakan Paradigmatik Puisi Zaen Kasturi dalam Perpuisian Melayu.

Dr Arbak berkata, seni pengucapan idea pada karya Zaen Kasturi itu, bukan saja menggunakan perlambangan indah, bahkan turut mengalirkan fikiran kritis yang dapat membangkitkan daya taakul pembaca terhadap fenomena sosial yang menjelaskan realiti semasa dalam

budaya Melayu.

“Kehadiran kuasa taakul terhadap seni penyataan hujah menjadikan puisi Zaen Kasturi sebenarnya mewakili wacana kompleks, tetapi tetap mengekalkan keindahan seni bina bahasanya. Puisi Zaen Kasturi juga ditandakan dengan persoalan berat seperti beban fikir penyair diluahkan dalam karya,” katanya pada wacana yang dipengerusikan Ahli Jawatankuasa PENA, Dr Mohd Hanafi Ibrahim.

Selain itu, puisi Zaen Kas-

turi juga menunjukkan penyair itu tidak menolak globalisasi, tetapi tidak ragu-ragu untuk menyerang gelombang itu, sekiranya ia menghancur atau menderakan jati diri dan budaya tinggi yang sekian lama mengangkat bangsa dan agama.

“Beliau menghargai perancangan yang memelihara hak dan sejarah, tetapi menolak tindakan sosiopolitik yang melenyapkan rupa dan jantung bangsa melalui kuasa materialisme.

“Ini kerana penyair meno-

lak konsep kemajuan dan pembangunan yang hanya melihat kepentingan serta keuntungan materialisme, sebaliknya menyanjungi usaha mengembalikan kepentingan rohaniah dalam pembentukan tamadun yang dibanggakan,” katanya pada wacana anjuran bersama Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan DBP yang dirasmikan Yang Dipertua YADIM, Datuk Aziz Jamaluddin Mhd Tahir.

Keseriusan itu turut terjelma dalam genre cerpen seperti diakui Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mawar Shafie ketika melapah Pencarian: Antara Ambiguiti dengan Anti-Narasi dalam Taman Uzlah Zaen Kasturi.

Jiwa penentangan Zaen Kasturi terhadap ketidakadilan, kepalsuan dan kehinaan menyebabkan pengarang itu tidak akur untuk menyalin semula apa yang

